



Rujukan kami : BPSM-100-10/4/2 Jld.3 (4)  
Tarikh : 19 Julai 2021

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Jabatan/ Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/

Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Ketua Jabatan Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/ Timbalan Pengarah/ Ketua Penolong Setiausaha/

Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Tuan/Puan,

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan kenyataan media YAB Timbalan Perdana Menteri/Menteri Pertahanan pada 16 Julai 2021, PKPD di 34 Mukim di Selangor ditamatkan mulai 16 Julai 2021 dan beberapa lokaliti di Selangor dilanjutkan PKPD.

3. Justeru, pengoperasian bagi semua jabatan/agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah selaras dengan SOP yang terkandung di dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) – SOP FASA 1 yang dikeluarkan oleh MKN dan dikemaskini pada 16 Julai 2021. Penjawat awam yang tinggal di dalam lokaliti PKPD adalah tertakluk kepada surat arahan Ketua Setiausaha Negara mengenai Pengoperasian Pejabat Kerajaan Dalam Tempoh PKP Fasa 1: 1-14 Jun 2021 bertarikh 30 Mei 2021, iaitu Perkhidmatan Awam di bawah Pentadbiran ini akan melaksanakan kaedah **Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya** tidak termasuk perkhidmatan *frontliners*, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.

**ARAHAN PENGOPERASIAN PEJABAT KERAJAAN DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**


---

4. Kehadiran di pejabat hanya dibenarkan bagi perkhidmatan perlu dan **tidak melebihi 20% pada satu-satu masa** berdasarkan **keutamaan kepada proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR** seperti:
- i. Pembayaran kontrak/invois/gaji;
  - ii. Pembayaran/pengagihan bantuan bulanan/berkala kepada rakyat;
  - iii. Penyelenggaraan/keselamatan premis;
  - iv. Pengurusan teknikal ICT bagi tujuan penyelenggaraan sistem/mesyuarat atas talian; dan
  - v. Penyediaan dokumen Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)/Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES).
5. Kehadiran ke Pejabat perlu disertakan dokumen arahan rasmi yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan masing-masing seperti format terdahulu dan pas pekerja.
6. Kaunter perkhidmatan Kerajaan dibenarkan beroperasi secara fizikal yang hanya melibatkan :-
- i. Perkhidmatan yang tidak boleh dilaksanakan secara dalam talian;
  - ii. Kapasiti petugas kaunter tidak melebihi 50%; dan
  - iii. Kehadiran pelanggan secara fizikal hanya melalui janji temu berjadual.
7. Arahan pengoperasian ini akan berkuat kuasa selagi Negeri Selangor masih berada di dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 1. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan bagi menyempurnakan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' NOR AZMIE DIRON)**